



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42(21)
27 Jun 2013

SIARAN MEDIA

3 Langkah Pengawalan Peningkatan Harga Rumah

Parlimen Malaysia, 27 Jun 2013– Pertumbuhan Industri Perumahan di negara ini semakin pesat dan memberangsangkan. “Kenaikan harga rumah secara umumnya meluas , di mana, trend ini lebih ketara di lokasi seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak terutama bagi hartanah bertingkat tinggi dan hartanah sesebuah”. - menurut YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam jawapan maklum balas yang di bangkitkan oleh YB Seremban, Labis, Seputeh dan Kulim Bandar Baru pada pagi ini.

Tambahnya lagi pasaran perumahan yang ditentukan oleh faktor pasaran (*market forces*) berkonsepkan pasaran bebas (*free market*) telah menggalakkan lagi pertumbuhan industri perumahan di Malaysia ini. Pada masa ini Kerajaan hanya mengawal harga Rumah Kos Rendah (RKR) sahaja iaitu bagi harga melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

Walaupun Kerajaan tidak mengawal harga rumah secara mikro, 3 langkah yang bertetapan telah diambil di mana langkah pertama melalui Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Kedua melalui Nisbah Pembiayaan Perumahan (*Margin Of Finance* atau *Loan to Value*) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia yang mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para pemimpin bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman. Beliau menambah Kerajaan mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambah bekalan rumah dalam pasaran di kawasan-kawasan strategik di bandar dan pinggiran bandar bagi membolehkan rakyat membeli pada

harga yang munasabah. Di antara inisiatif yang diambil menurutnya adalah; membina lebih banyak rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi golongan berpendapatan rendah dan penempatan semula setingan; Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Dato' Abdul Rahman Dahlan juga menegaskan Kerajaan Negeri juga harus memainkan peranan dalam mengawal harga dengan memastikan kuota pemajuan perumahan swasta untuk rumah kos rendah atau rumah patut dipatuhi.

Nota Tambahan:

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang ditambah baik dibawah Bajet 2013.

Tempoh Pelupusan	Kadar (%)
Kurang dari 2 Tahun	15
Melebihi 2 hingga 5 Tahun	10
Selepas 5 Tahun dan seterusnya	Tiada

Dikeluarkan Oleh

:

Unit Komunikasi Korporat

b.p.Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat
HP: 0193535500